Pemikiran *Qāḍī al-Quḍāh* al-Māwardī (m. 450 H/ 1058 M) dalam Sistem Kehakiman Islam: Suatu Tinjauan Ringkas

JASRI JAMAL

ABSTRAK

Dunia Islam dan Barat telah mengiktiraf sumbangan al-Māwardī dalam dunia akademik. Tumpuan banyak diberikan terhadap pemikiran pentadbiran politik beliau melalui bukunya yang amat terkenal, al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa Wilāyah al-Diniyyah malah telah dialih bahasa ke dalam beberapa bahasa dunia seperti bahasa Perancis, Inggeris, German, Itali, Turki, Indonesia termasuklah bahasa Malaysia sendiri. Namun begitu, pemikiran beliau dalam bidang kehakiman dan pentadbiran perundangan amat jarang disentuh oleh para sarjana Islam. Penulisan ini mengetengahkan pemikiran al-Māwardī dalam bidang kehakiman Islam dengan merujuk bukunya Adab al-Qāḍī dan juga al-Aḥkam al-Sulṭāniyyah. Perbincangan di dalam artikel ini dihadkan dengan memberi tumpuan kepada latar belakang beliau sebagai Qaḍī al-Quḍāh dan karya beliau secara umum.

ABSTRACT

Islamic world recognizes al-Māwardī's contribution in academic field. His thought on politics has been investigated by many Muslim scholars especially based on his work's al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah which has been translated in many world languages. However, al-Māwardī's contribution in Islamic judicial system is not fully assessed. In this paper an attempt is made to present al-Māwardī's works in Islamic judicial system with special reference to Adab al-Qāḍī and al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah. The discussion is limited to his background as Qāḍī al-Qudāḥ and his contributions in general.

PENGENALAN

Islam memperkenalkan satu sistem kehakiman yang jauh berbeza dengan sistem kehakiman yang diamalkan pada zaman *jāhiliyyah*. Masyarakat zaman *jāhiliyyah* mempunyai cara tersendiri dalam pentadbiran keadilan mereka dengan merujuk kepada *hakam* (pendamai), *amīr* (ketua kaum) dan juga *kāhin* (mereka yang dianggap alim dalam masyarakat). Kebiasaannya, kes-kes tersebut dibicarakan dan diadili berdasarkan *'urf* (adat setempat) yang diamalkan oleh masyarakat Arab.[1] Kedatangan

---

[1] Muhammad Ibrāhīm H.I Surty, *The Ethical Code and Organised: Procedure of Early Islamic Law Courts,* with Reference to al-Khaṣṣāf's *Adab al-Qāḍī*, di dalam *Criminal Justice in Islam Judicial Procedure in the Sharīᶜa* , diedit oleh Muḥammad Abdel Haleem et. al., New York, I.B. Tauris Publication, 2003, hlm. 149.

nabi Muhammad s.a.w telah merubah keseluruhan konsep kehakiman tersebut dengan menjadikan al-Quran dan *al-Sunnah* sebagai sumber rujukan utama dalam sistem kehakiman Islam. Nabi Muḥammad s.a.w. bukan sahaja sebagai seorang pemimpin negara di Madinah, malahan sebagai hakim yang berfungsi untuk menyelesaikan permasalahan masyarakat Madīnah pada masa tersebut.[2] Ini menunjukkan bahawa pemisahan bidang kuasa antara pentadbiran negara dan kehakiman belum lagi berlaku pada zaman baginda. Pemisahan bidang kuasa hanya berlaku semasa zaman pemerintahan Khalifah ᶜUmar bin al-Khaṭṭāb. Sistem kehakiman Islam ini telah diasingkan daripada pentadbiran negara dan hanya berfungsi dalam pentadbiran keadilan sahaja disebabkan perluasan negara Islam.[3] Sistem kehakiman ini diteruskan pula oleh kerajaan Umayyah, ᶜAbbāsiyyah, kerajaan-kerajaan Islam Andalus di Sepanyol, kerajaan-kerajaan kecil selepasnya seperti Buwayhd, Saljuk, Fatimiyyah sehinggalah kepada kerajaan ᶜUthmāniyyah di Turki, malahan sehingga ke hari ini. Bidang kehakiman Islam terus berkembang dan dikenali bukan sahaja al-*Qaḍā'* (pentadbiran keadilan) malahan termasuk juga institusi *Ḥisbah* (pentadbiran keadilan di tempat awam seperti di pasar atau pentadbiran majlis perbandaran) dan juga *Maẓālim* (institusi pentadbiran keadilan untuk golongan atasan yang menganiayai golongan bawahan).[4]

BIOGRAFI AL-MĀWARDĪ

Al-Māwardī hidup pada zaman kejatuhan dan kegelapan kerajaan ᶜAbbāsiyyah di mana banyak kerajaan kecil seperti kerajaan Buwayhd dan kerajaan Saljuk muncul untuk melepaskan diri daripada pentadbiran kerajaan pusat di Baghdād. Nama penuh beliau ialah Abū al-Ḥasan ᶜAlī Muḥammad ibn Ḥabīb al-Māwardī al-Baṣrī al-Shāfiᶜī al-Baghdādī.[5] Abū al-Ḥasan adalah nama asalnya manakala al-Māwardī adalah nama gelaran keluarga beliau.[6] Al-Māwardī dilahirkan pada tahun 364H/974M di Basrah dan membesar serta mendapat pendidikan awal di kampung halamannya Basrah pada zaman tersebut amat dikenali sebagai pusat kecemerlangan ilmu pengetahuan dalam dunia Islam.[7] Pada ketika itu juga, dunia melihat kejatuhan dan kelemahan pemerintahan kerajaan khalifah ᶜAbbāsiyyah dan para khalifah telah menjadi lambang yang tidak mempunyai kuasa dan taring serta tunduk kepada penguasa Bani Buwayhd.[8]

---

[2] Muhammad al-Zuhaylī, *Tārīkh al-Qaḍā' fī al-Islām*, Dār al-Fikr, Damashq, 1995, hlm. 38.

[3] Ibid., hlm. 137.

[4] Lihat perbincangan dalam al-Māwardī, Abū Ḥasan ᶜAli ibn Muḥammad, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa Wilāyah al-Dīniyyah*, Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah, Beirut, t. tarikh.

[5] Ibn Kathīr, *Bidāyah wa al-Nihāyah*, vol. 12, Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah, Beirut, hlm. 85-86.

[6] Ibn Jawzī, *al-Muntazam Tārīkh al-Muluk wa al-Umām*, vol. 8, Hyderabad, Dār al-Maᶜārif al-ᶜUthmāniyyah, 1359 H., hlm. 199-200; al-Baghdādī, *Tārīkh Baghdād*, vol. 12, Cairo, Maktabah al-Khanjī, 1931, hlm. 102.

[7] Ridwan al-Sayyīd (ed.), *Qawānīn al-Wizārah wa Siyāsah al-Mulk*, Dar al-talīᶜah lil al-Tibāᶜah wa al-Nasr, Beirut, 1979, hlm. 7.

[8] Terdapat lima Khalifah ᶜAbbāsiyyah yang memerintah di bawah pengaruh Bani Buwayhd iaitu Khalifah al-Mustakfī yang memerintah dari tahun 333/944 sehingga 334/945, Khalifah al-Mutīq yang memerintah dari 334/945 sehingga 363/973, Khalifah al-tāᶜi lil Allāh yang memerintah dari 363/973 sehingga 381/991, Khalifah al-Qādir bi Allāh yang memerintah dari tahun 381/991 sehingga 422/1030 dan akhir sekali Khalifah al-Qā'im bi Amr Allah yang memerintah dari tahun 422/1030 sehingga 467/1074. Lihat Muḥyī Hilāl al-Sirḥān, *Adab al-Qāḍī*, vol. 1, Dīrāsat Dīwān al-Auqāf, Baghdād, 1972, hlm. 18.

Abū al-Ḥasan lebih dikenali dengan panggilan al-Māwardī memandangkan pekerjaan keluarga beliau yang menjual *mā'al – ward,* air wangian ros.[9] Sumber kehidupan al-Māwardī semasa kecil amat terhad dan jarang diketahui oleh ahli sejarawan kecuali semasa beliau remaja, al-Māwardī diberitakan amat rapat dengan hakim yang terkenal di Basrah ketika itu, iaitu Ibn Abū al-Shawārib. Hubungan yang amat rapat inilah telah mempengaruhi pemikiran al-Māwardī dalam bidang kehakiman Islam selepas itu.[10] Al-Māwardī mendapat pendidikan awal di kota Basrah yang merupakan pusat kegiatan ilmu pengetahuan yang ulung. Beliau telah dididahkan dengan ilmu pengetahuan oleh para ilmuan Baṣrah seperti Abū al-Qāsim ᶜAbd al-Wāhid al-Jaimarī (m. 389/996) dan ilmuan *Ḥadīth* seperti Ḥasan ibn ᶜAlī ibn Muḥammad al-Jabalī dan Muḥammad ibn ᶜAdī ibn Zaḥr al-Minqarī. Kemudian al-Māwardī telah menyambung pengajian tinggi dan menetap di Dār al-Zaᶜfarānī di kota Baghdād.

Di Baghdād, al-Māwardī telah berpeluang untuk belajar sehingga ke peringkat tertinggi dalam bidang bahasa Arab, undang-undang, kesusasteraan, pengajian al-Qur'ān, *ḥadīth* dan syair di bawah penyeliaan ulama' bermazhab *Shāfiᶜī* yang terkenal iaitu Shaykh Abū Muḥammad ᶜAbd Allāh al-Bāfī (m. 398/1007) dan juga sarjana besar yang lain seperti Shaykh Abū Ḥamīd Aḥmad al-Isfarāyinī (m. 406/1015).[11] Suasana ini telah memberi kesan yang hebat kepada pemikiran al-Māwardī dalam bidang intelektual dan politik pada masa tersebut terutama yang berhubung dengan cara beliau ber*ijtihād* dalam sesuatu perkara.

Selepas menamatkan pengajian di Baghdād, al-Māwardī telah menjadi guru di Baṣrah dan Baghdād. Beliau telah mengajar ramai ahli cendekiawan Islam yang kemudiannya menjadi terkenal di dalam bidang masing-masing. Antaranya ialah pengarang buku *Tārīkh Baghdād,* iaitu al-Khaṭīb al-Baghdādī (m. , Abū Bakr Aḥmad ibn ᶜAlī ibn Thābit (m. 463/1070), Abū Faḍl Aḥmad ibn al-Hasan ibn Khairūn al-Baghdādī (m. 488/1095) yang lebih dikenali dengan panggilan Ibn al-Bāqillānī dan juga ᶜAbd al-Mālik ibn Ibrāhīm ibn Ahmad Abū al-Faḍl al-Hamẓānī (m. 489/1096) yang popular sebagai Muqaddisī.[12] Kesemuanya menyerlahkan keintelektualạn al-Māwardī dalam pelbagai bidang ilmu pengetahuan seperti politik, kehakiman, tafsir, *ḥadīth,* sejarah dan pelbagai bidang ilmu Islam yang lain.

AL-MĀWARDĪ SEBAGAI HAKIM

Al-Māwardī dianggap ulama' ulung dalam mazhab *Shāfiᶜī* ketika itu dan disebabkan keupayaannya yang istimewa, beliau telah dilantik sebagai *Qāḍī,* hakim di Ustuwā, Nishāpūr. Al-Māwardī kembali ke Baghdād dan karier beliau dalam bidang kehakiman bertambah cerah di bawah pentadbiran Khalifah al-Qādir dan al-Qā'im. Al-Māwardi akhirnya telah dilantik menjadi *Aqḍā al-Quḍāh,* Ketua Hakim Negara bagi pemerintahan kerajaan ᶜ Abbāsiyyah.

Penglibatan al-Māwardī tidak terhenti sebagai hakim sahaja, tetapi juga sebagai utusan atau perantara pihak pemerintah dalam menyelesaikan pertikaian antara khalifah dan pemerintahan kerajaan-kerajaan kecil yang muncul kerana

---

[9] N.A Baloch, *Great Books of Islamic Civilization,* Islamabad, Pakistan Hijra Council, 1989, hlm. 102.

[10] Hanna Mikhail, *Politic And Revelation Māwardī And After,* Edinburgh University Press, Edinburgh, 1995, hlm. 61.

[11] Ibn Khallikān, *Wafayāt al-Aᶜyān wa Anbā' al-Zamān,* ed. oleh Iḥsan ᶜAbbās, vol. 3, hlm. 282.

[12] Aḥmad Jābir Badrān & ᶜAlī Jumᶜat Muḥammad, *al-Rutbah fī ²alab al-Ḥisbah,* hlm. 13.

kelemahan pihak kerajaan ᶜAbbāsiyyah. Semasa pemerintahan Khalifah al-Qādir, ia telah mengarahkan setiap ulama' mazhab menulis buku mewakili mazhab masing-masing.[13] Al-Māwardi telah menulis kitab Iqnāᶜ mewakili mazhab *Shāfiᶜī*, Abū Ḥusayn al-Qudūrī menulis kitab yang terkenal iaitu Mukhtaṣar mewakili mazhab *Ḥanafī* dan kemudian *Qāḍī* Abū Muḥammad ibn Nasr pula telah menulis kitab Mukhta·ar bagi mewakili mazhab *Mālikī*. Khalifah al-Qādir telah mengiktiraf hasil sumbangan dan karya al-Māwardī sebagai terbaik dan sebagai balasannya, khalifah telah melantik beliau sebagai *Qāḍī al-Quḍāh*, Ketua Hakim Negara bagi kerajaan ᶜAbbāsiyyah.

Pada tahun 422/1030, Khalifah al-Qādir telah diganti oleh anaknya Khalifah al-Qā'im. Beliau kemudiannya telah menghantar al-Māwardī untuk menemui pemerintah Buwayhd iaitu Abū Kalījār yang tidak mengiktiraf perlantikan al-Qā'im sebagai khalifah. Al-Māwardī telah diutus oleh khalifah al-Qā'im untuk memujuk Abū Kalījār supaya mengiktiraf perlantikan khalifah dan menyebut nama khalifah di dalam khutbah Jumaat. Abū Kalījār pada asalnya memohon gelaran Sultan Yang Agung, Raja Segala Pemerintah (The Great Sulṭān, Lord of the Nations) dikurniakan kepadanya. Namun begitu, dengan kebijaksanaan al-Māwardī, Abū Kalījār telah menerima gelaran Malik al-Dawlah sahaja berbanding dengan gelaran asal yang diminta.

Al-Māwardī juga telah dihantar oleh khalifah al-Qā'im untuk menemui pemerintah Buwayhd yang bersengketa sesama sendiri iaitu Jalāl al-Dawlah yang memerintah Baghdād pada tahun 416/1025 sehingga 434/1042 dengan anak saudaranya Abū Kalījār. Persengketaan ini juga dapat ditangani oleh al-Māwardī dengan penuh hikmah dan bijaksana. Sebagai menghargai segala jasa dan sumbangan al-Māwardī di dalam pentadbiran negara, terutamanya dalam bidang kehakiman Islam, khalifah telah menganugerahkan satu gelaran tertinggi dalam kehakiman Islam iaitu *Aqḍā' al-Quḍāh.*[14] Walau bagaimanapun, pemakaian gelaran ini tidak dipersetujui oleh sesetengah ulama' semasa seperti Ibn al-Ṭayyib al-Ṭabarī (m. 450/1058) dan al-Ṣaimarī (m. 436/1044) dengan alasan gelaran itu tidak sepatutnya dianugerahkan kepada manusia, tetapi hanya kepada Allah swt semata-mata. Namun begitu, al-Māwardī terus memakai gelaran tersebut sehingga beliau meninggal dunia pada tahun 450/1058. Menurut Yāqūt, gelaran *Aqḍā' al-Quḍāh* ini terus dikurniakan oleh Khalifah sehinggalah awal abad ke tujuh Hijrah.[15]

KARYA AL-MĀWARDĪ DI DALAM BIDANG KEILMUAN ISLAM

Ilmu pengetahuan al-Māwardī yang luas bukan sahaja tertumpu kepada satu ilmu semata-mata, tetapi merangkumi kepelbagaian bidang. Al-Māwardī terkenal sebagai tokoh politik, bahasa Arab, tafsir al-Qur'ān, kehakiman Islam dan juga etika. Muhyī Hilāl al-Sirḥan telah menyenaraikan dua belas buah buku karangan al-Māwardī yang terkenal dengan mengkategorikan empat buah buku dalam bidang politik Islam, lima

---

[13] Yāqūt, *Kitāb Irshād al-ᶜArīb ilā Maᶜrifah al-Adīb*, diedit oleh D.S Margoliouth, hlm. 407.
[14] Mafizullah Kabir, 'Administration of Justice During the Buwayhids' Period', *Islamic Culture*, 34 (1), 1960, hlm. 20.
[15] Yāqūt, *Irshād*, vol. 5, hlm. 407.

buah buku dalam perundangan Islam dan tiga buah buku dalam bidang Bahasa Arab.[16]

Al-Māwardī telah mengarang dan menghasilkan buku dalam pelbagai bidang ilmu termasuklah kitab *Nukat wa al-ᶜUyūn,*[17] berkenaan tafsir dan komentar al-Qur'ān dalam empat jilid. Kitab *Ḥāwī al-Kabīr fi al-Furūq* pula berkenaan dengan *fiqh Shāfiᶜī* di dalam 30 jilid, manakala karangan beliau berkaitan dengan etika dan adab berjudul *Adab al-Dunyā wa al-Dīn.*

Ibn Jawzī dalam kitabnya *Muntaẓam* menyebutkan tentang kitab al-Māwardī yang bertajuk *Kitāb al-Iqnāᶜ fī al-Fiqh al-Shāfiᶜī* yang mengandungi 40 halaman iaitu ringkasan daripada *Kitāb al-Hāwī al-Kabīr* yang asalnya 4000 halaman.[18] Yāqūt pula telah menyenaraikan beberapa buah kitab karangan al-Māwardī, antaranya ialah *Kitāb fī al-Buyūᶜ, Kitāb Aᶜlām al-Nubūwwah, Kitāb fī al-Naḥw* dan *Kitāb al-Amthāl wa al-Ḥikam* yang unik kerana mengandungi 300 *Ḥadīth,* 300 kata-kata nasihat dan 300 ayat berkaitan puisi Arab. Selain itu, al-Māwardī juga mengarang *Kitāb Siyāsah al-Mulk, Qawānīn al-Wizārah, Adab al-Wazīr, Tashīl al-Naẓar wa Taᶜjīl al-Ẓafar,* dan *al-Amthāl wa al-Ḥikām.*[19]

Dalam bidang kehakiman Islam pula, al-Māwardī telah menulis *Kitāb Adab al-Qāḍī* yang merupakan 2 jilid daripada 32 jilid *Kitāb al-Ḥāwi al-Kabīr.*[20] *Kitāb Adab al-Qāḍī* merupakan karya yang ditulis oleh al-Māwardī sebagai panduan kepada para hakim dalam menjalankan tugas kehakiman mereka. Selain itu, karya beliau yang paling terkenal di dunia Islam dan Barat sehingga kini ialah *Kitāb al-Ahkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyah al-Dīniyyah.*[21] *Kitāb al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* ini telah diterjemahkan ke dalam semua bahasa utama dunia termasuklah ke dalam bahasa Malaysia.[22]

Pemikiran al-Māwardī dalam bidang kehakiman Islam banyak tertumpu kepada dua buah kitab karangan beliau iaitu *Kitāb Adab al-Qāḍī* dan juga *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah.* Kedua-dua karya ini berkaitan secara langsung dengan kehakiman Islam terutama perbincangan berkaitan *Qaḍā', Ḥisbah* dan *Maẓālim.* Pengalaman luas beliau sebagai hakim dan ketua hakim negara serta pentadbiran politik kerajaan ᶜAbbāsiyyah memperlihatkan bahawa sistem kehakiman sebagai satu sistem yang tidak dapat dipisahkan dengan sistem pentadbiran negara seperti mana yang digambarkan dalam karya beliau yang ulung *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah.*

---

[16] Abū Hasan ôAlī al-Māwardī, diedit oleh Muhyī Hilāl al-Sirhān, *Adab al-Qādī,* vol. 1, Maṭbaᶜah al-Irshād, Baghdād, 1972, hlm. 44.

[17] Nama penuh Kitab ini ialah *Kitāb al-Nukat wa al-ᶜUyūn fī Tafsīr al-Qur'ān.* Hanna Mikhail menyatakan bahawa terdapat beberapa pengkaji al-Māwardī tersilap dengan menyatakan bahawa *Tafsīr al-Qur'ān* dan *al-Nukat wa al-éUyūn* adalah dua buah buku yang berbeza pada hal adalah sebuah karangan yang sama. Lihat perkara ini dengan lebih lanjut dalam perbincangan oleh Hanna Mikhail, *Politics and Revelation Māwardī and After,* hlm. 64.

[18] Ibn Jawzī, *al-Muntaẓam,* vol. 8, hlm. 199.

[19] Buku ini hanya disenaraikan oleh Ibn al-Jawzī sahaja dan tidak oleh pengarang yang lain. Sila lihat Ibn Jawzī, *Muntaẓam,* viii, p. 199. Buku ini telah diedit secara kritis oleh Fuᶜād Abd al-Munᶜim Aḥmad.

[20] Al-Māwardī, *Aᶜlām al-Fuqahā' wa al-Muḥadthisīn,* diedit oleh Shaykh Kāmil Muḥammad Muḥammad ᶜUwaiḍah, Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah, Beirut, 1996, hlm. 25-26.

[21] D.P Little, ' A New Look at the Aḥkām al-Sulṭāniyyah', *Muslim World,* ixiv (1974), hlm. 1-15. Lihat juga Ann Alizabeth Mayer, Islamic Middle East. A Biographical Essay. Part 11, *Bulletin British Society for Middle Eastern Studies,* vol. 5, no. 1, 1978, hlm. 18.

[22] Lihat terjemahan karya ini oleh Uthman Haji Khalid, *Al-Aḥkām al-Sulṭaniyyah wa al-Wilāyāh al-Dinīyyah,* Institut Pengajian Tradisional Islam, Percetakan Majujaya Indah, 1993.

PENGENALAN RINGKAS *KITĀB ADAB AL-QĀḌĪ*

Muḥyī Hilāl al-Sirḥān menyatakan *Kitāb Adab al-Qāḍī* ini adalah dua jilid daripada kitab karangan al-Māwardī yang lain iaitu *Kitāb al-Ḥāwī al-Kabīr* yang menyentuh berkaitan dengan undang-undang Islam di dalam mazhab *Shāfiᶜī*.[23] Selain kepentingan buku ini dalam bidang pentadbiran keadilan Islam bermazhab *Shāfiᶜī*, ia juga menyentuh tentang sistem kehakiman dalam Islam sebagai panduan asas kepada para hakim dan ini merupakan satu sumbangan yang tidak ternilai dalam bidang keilmuan dan sumbangan kepada ketamadunan umat Islam secara amnya.

Sebagai ketua hakim, semasa pemerintahan Khalifah al-Qādīr dan al-Qāim, al-Māwardī mempunyai pengalaman yang luas dalam pentadbiran kehakiman dan politik negara ketika itu. Ini kerana pentadbiran negara tidak dapat dipisahkan sama sekali dengan sistem kehakiman Islam dan ini dibuktikan oleh al-Māwardī di dalam *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* dengan membincangkan institusi *Qaḍā'*, *Ḥisbah* dan *Maẓālim* yang merupakan tiga demensi utama di dalam sistem kehakiman Islam.

Di dalam *Kitāb Adab al-Qāḍī*, al-Māwardī telah membahagikan karyanya kepada 25 bab dan sub-topik. Terdapat dua bab yang panjang iaitu bab satu dan bab keempat belas. Bab satu dibahagikan lagi kepada 12 sub topik, bab dua dibahagikan kepada 10 sub topic dan bab tiga hanya tiga sub topic sahaja. Manakala bab-bab yang lain mengandungi kepelbagaian bab dan sub topik.

Perbincangan bab satu banyak tertumpu kepada pengenalan dan kepentingan sistem kehakiman dalam Islam dan dalil kepentingan al-*Qaḍā'* melalui perbahasan daripada sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Qur'ān, *al-Sunnah*, *al-Ijmā'* dan *al-Qiyās*.[24] Al-Māwardī membuktikan bahawa sistem kehakiman adalah satu komponen yang penting di dalam kestabilan sesebuah pentadbiran negara.

Karya al-Māwardī dianggap istimewa dan berlainan dengan karya lain yang berkaitan dengan kehakiman Islam kerana beliau menggunakan beberapa pendekatan yang berbeza dengan para sarjana di dalam bidang ini. Al-Māwardī menggunakan fakta *fiqh* dalam mazhab *Shāfiᶜī* dengan memetik beberapa pendapat *ᶜulamā'* Islam yang lain seperti Abū Saᶜīd al-Iṣhtakharī (m. 328/939) pengarang kitab *Adab al-Qaḍā'*,[25] Abū al-ᶜAbbās ibn Sarīj (m. 306/918), pandangan guru-guru al-Māwardī sendiri seperti Abū Ḥāmid al-Isfarāini (m. 402/1011), Abū ᶜAlī ibn Abū Ḥurairah (m. 345/956), Abū Iṣhāq al-Marwazī (m. 340/951), Abū ᶜAlī ibn Khairān (m. 320/932), Husain ibn ᶜAlī al-Karābīsī dan Abū Bakr al-Qaffāl al-Shāshī (m. 336/976).[26]

Kedua, dalam Kitāb ini al-Māwardī banyak membincangkan dan menilai sesuatu fakta dari ulama' lain yang bermazhab *Shāfiᶜī* atau mazhab yang lain dengan membuat kenyataan dan kesimpulannya sendiri. Beliau banyak membuat pentarjihan seperti berkata 'pandangan ini lebih aku suka', 'pandangan ini jelas', 'pandangan ini lebih tepat', 'pandangan ini kelihatan tepat bagiku' atau 'pandangan ini tidak tepat' atau 'pandangan ini tidak benar'.[27]

Ketiga, al-Māwardī secara umumnya mempraktiskan *ijtihād* terhadap sesuatu hukuman, memberi alasan penghakiman dan menerangkannya dengan

---

[23] Muḥyī Hilāl al-Sirḥān, *Kitab Adab al-Qāḍī*, jilid 1 dan 11, Maṭbaᶜah al-Irshād, Baghdād, 1971.
[24] Al-Māwardī, *Adab al-Qāḍī*, jilid 1, hlm. 117-191.
[25] Buku ini tidak dijumpai sehingga ke hari ini dan telah dianggap hilang oleh para sarjana kehakiman Islam. Lihat Muḥyi Hilāl al-Sirḥān, *Adab al-Qāḍī*, jilid 1, hlm. 68.
[26] Al-Māwardī, *Adab al-Qāḍī*, jilid 1, hlm. 68.
[27] Ibid, hlm. 69.

menggunakan hujah ulamak terdahulu. Didapati hampir keseluruhan penghukuman dan alasan penghakiman al-Māwardī bersandarkan kepada *ijtihād* beliau sendiri terutamanya yang melibatkan isi-isu baru yang kontroversi. Ini dapat dilihat dari kenyataan al-Māwardī seperti ' pandangan ini adalah benar bagiku dari pandangan orang lain' atau 'pendapat aku ini lebih tepat'.[28]

Keempat, sebagai ulamak daripada mazhab *Shāfiᶜī*, al-Māwardī lebih mengutamakan dan memperlihatkan keautoritian pandangan mazhab *Shāfiᶜī* berbanding dengan pandangan mazhab yang lain.[29] Sebagai contohnya, al-Māwardī mempertahankan pandangan mazhab al-Shāfiᶜī berhubung dengan perlantikan hakim wanita dengan tidak menerima perlantikan wanita untuk dilantik sebagai hakim perbicaraan.

Perbincangan *Adab al-Qāḍī* dimulakan dengan tajuk utama yang besar dan kemudian al-Māwardī akan membahaskan topik-topik yang kecil secara menyeluruh. Sebagai contoh, di bawah tajuk Sistem Kehakiman Islam dibincangkan tajuk-tajuk kecil lain seperti konsep dan teori kehakiman Islam, perlantikan hakim-hakim, syarat perlantikan hakim-hakim, keputusan penghakiman dan sebagainya. Keistimewaan yang paling utama dalam karya agung ini ialah al-Māwardī akan menyokong setiap hujah dan fakta yang diberikan sokongan oleh sumber perundangan Islam yang utama iaitu al-Qur'ān, *Ḥadīth*, *Ijmā'* dan *Qiyās*. Selain itu, al-Māwardī juga menyokong fakta beliau dengan menggunakan sumber-sumber perundangan Islam yang lain seperti *ᶜAql*, logik, *ᶜUrf*, *Istishāb* dan *Sharāᶜī man Qablanā*.[30]

Sebagai contoh, al-Māwardī dalam pandangan beliau berkaitan perlantikan hakim menyatakan bahawa seseorang hakim itu mestilah berkemampuan untuk melakukan *ijtihād* dan menolak *taqlīd*. Hakim disarankan sebelum memberi sebarang penghukuman hendaklah merujuk terlebih dahulu dalil-dalil dari Qur'ān, *Sunnah*, *Ijmā'* dan *Qiyās*. Al-Māwardī berpendapat bahawa sesuatu hukuman hendaklah berdasarkan *ijtihād* seseorang hakim bersandarkan kepada fakta kes dan kemaslahatan pihak-pihak yang bertikai walaupun pandangan atau hukuman tersebut nanti berlawanan dengan pegangan mazhab hakim itu sendiri. Ini bermakna al-Māwardī menentang *taqlīd* secara membuta tuli oleh seseorang hakim terhadap mazhabnya sendiri tanpa melihat kepada asas sesuatu kes tersebut. Ini dibuktikan oleh al-Māwardī dengan menghuraikan satu topik kecil yang bertajuk *al-taqlīd wa fasāduhu* (*taqlīd* dan keburukannya) di dalam *Kitāb Adab al-Qāḍī*.[31] Selain itu, al-Māwardī juga menulis tentang sistem sokongan yang perlu ada bagi melicinkan lagi perlaksaanan sistem kehakiman Islam seperti perlantikan *nā'ib al-qāḍī* (pembantu hakim) *bawwāb* atau *jilwāz* (pengawal), *kātib* (pendaftar), *mutarjim* (juru bahasa), *muzakkī* (penyiasat), *munᶜāwin*, *qāsim* (bailiff), *sajjān*, *maḥāḍir* (dokumen kes) *sijillāt* (rekod mahkamah) dan lain-lain. Al-Māwardī juga mencadangkan agar setiap hakim diberi emolumen bulanan sebagai upah kepada tugas mereka sepertimana yang dilaksanakan pada zaman Rasul Allah s.a.w.

Secara umumnya, *Kitāb Adab al-Qāḍī* ini menggambarkan perkembangan sistem pentadbiran keadilan yang matang, berlaku pada zaman al-Māwardī di saat-

---

[28] Ibid, hlm. 70.
[29] Ibid, hlm. 71.
[30] Seperti Imam *al-Shāfiᶜī*, al-Māwardī menolak hujah dari *al-Istiḥsān*. Lihat al-Shāfiᶜī, *Kitāb al-Umm* dan *Kitāb Ibṭāl al-Istiḥsān*, jilid vii, hlm. 271.
[31] Al-Māwardī, *Adab al-Qāḍī*, jilid 1, hlm. 269-273.

saat akhir pemerintahan kerajaan ᶜAbbāsiyyah sebelum Bani Buwayh menguasai pemerintahan kerajaan ᶜAbbasiyyah di Baghdād.

PENGENALAN RINGKAS *KITĀB AL-AHKĀM AL-SULTĀNIYYAH WA WILĀYAH AL-DĪNIYYAH*[32]

Di dalam perbahasan tentang sistem kehakiman Islam oleh al-Māwardī, kitab *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* ini tidak boleh dikesampingkan. Walaupun karya ini lebih dikenali sebagai karya agung di dalam bidang politik dan pentadbiran negara namun terdapat beberapa bab di dalam buku ini menyentuh secara langsung tentang pentadbiran keadilan Islam. Secara umum, al-Māwardī telah membahagikan buku ini kepada dua puluh bab yang berhubung kait dengan pentadbiran politik negara dan agama. Tiga bab yang pertama membincangkan secara terperinci tentang pentadbiran negara dan bab selebihnya lebih tertumpu kepada persoalan agama Islam. Al-Māwardī memulakan bab yang pertama dengan membahaskan persoalan khalifah sebagai ketua negara di dalam negara Islam. Bab kedua tentang struktur pentadbiran negara berkaitan dengan perlantikan *wizārah*, jemaah menteri. Bab ketiga membahaskan perlantikan para *amīr*, governor di daerah-daerah kecil. Bab yang khusus membincangkan tentang pentadbiran sistem kehakiman Islam secara langsung adalah bab yang keenam, ketujuh dan kedua puluh di dalam buku ini.

Bab keenam membahaskan tentang institusi pentadbiran keadilan di dalam Islam. Bab ini membincangkan secara panjang lebar berkaitan dengan kelayakan, perlantikan, bidang kuasa dan tugas seseorang hakim. Al-Māwardī telah menyenaraikan beberapa syarat perlantikan seseorang hakim seperti seseorang hakim hendaklah mencapai umur dewasa, lelaki, waras, bukan hamba, Islam, tidak ada kecacatan anggota seperti buta atau pekak serta terlatih dan berkeupayaan di dalam perundangan Islam. Al-Māwardī juga membahaskan tentang alasan penghukuman seseorang hakim hendaklah bersandarkan kepada *Sharīᶜah*, persoalan tentang perbezaan mazhab dan juga isu berkaitan dua hakim di satu tempat.[33]

Bab ketujuh membincangkan tentang tribunal *al-Maẓālim*. Mahkamah ini bertujuan untuk mengembalikan hak bagi mereka yang teraniaya walau pun tuntutan itu melibatkan ketua negara sekali pun. Al-Māwardī membincangkan di dalam bab ini pentadbiran tribunal *al-Maẓālim*, perlantikan para hakim yang menganggotai badan tribunal tersebut, menerangkan sepuluh bidangkuasa *maẓālim* dan membincangkan perbezaan jelas di antara *maẓālim* dan institusi kehakiman yang biasa.[34]

Bab yang kedua puluh membahaskan tentang *Ḥisbah*. Perlaksanaan institusi *Ḥisbah* berdasarkan kepada konsep *amar maᶜrūf wa nahy munkar*, galakan kepada perkara yang *maᶜrūf*, baik dan melarang perbuatan yang *munkar*, jahat. Al-Māwardī menjelaskan konsep *Ḥisbah* di dalam *Sharīᶜah*, anggota penguatkuasa yang dipanggil *muḥtasib*, perbezaan jelas di antara *muḥtasib* dan anggota sukarelawan serta kedudukan *Ḥisbah* di dalam kehakiman Islam. Al-Māwardī juga membincangkan tentang ciri-ciri yang dipanggil *maᶜrūf* dan *munkar* serta perbezaan hak Allah dan hak manusia di dalam institusi *Ḥisbah*.[35]

---

[32] Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa Wilāyāh al-Dīniyyah*, (t. tarikh), Beirut, Dār al-Kutub al-ᶜIlmiyyah.
[33] Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, hlm. 83-96.
[34] Ibid, hlm. 97-119.
[35] Al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, hlm. 299-322.

KESIMPULAN

Al-Māwardī mempunyai pengalaman yang amat luas di dalam bidang kehakiman dengan menjawat jawatan yang tertinggi di dalam institusi kehakiman pada ketika itu iaitu *Qāḍī al-Quḍāh* dan *Aqḍā' al-Quḍāh*. Pengalaman yang luas sebagai hakim ini diterjemahkan di dalam penghasilan karya beliau yang agung iaitu *Adab al-Qāḍī* dan juga *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* serta karya-karyanya yang lain. Al-Māwardī memperlihatkan keazaman yang kuat dengan menyarankan para hakim menggunakan *ijtihād* masing-masing di dalam penghakiman dengan menolak *taqlīd* yang diguna pakai secara meluas pada zaman beliau. Saranan al-Māwardī ini memperlihatkan institusi kehakiman pada zamannya adalah suatu institusi yang bebas dari pengaruh mana-mana pihak dan sebagai satu dokumen yang bernilai kepada pentadbiran sesebuah negara.

Dr. Jasri bin Jamal
Fakulti Undang-Undang
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor D.Ehsan
Malaysia
jasri@ukm.my